



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

For Immediate Release

SKMM Keluarkan Pelan Piawai Sistem Radio Yang Telah Disemak Sebagai Persediaan Bagi Memperkenalkan Perkhidmatan 4G Dalam Jalur Spektrum 2600 MHz

Cyberjaya: 29 November, 2012 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengeluarkan Pelan Piawai Sistem Radio yang disemak (SKMM SRSP-523) untuk membuka jalan bagi para pembekal perkhidmatan yang berpotensi untuk melancarkan perkhidmatan mudah alih Generasi ke-4 (4G). Dokumen 23 muka surat tersebut memperhalusi keperluan bagi rancangan menyeragamkan jalur spektrum global untuk melaksanakan sistem Telekomunikasi Mudah Alih Antarabangsa (International Mobile Telecommunications) (atau 4G) yang beroperasi dalam jalur spektrum 2600 MHz untuk memastikan penggunaan sumber spektrum yang terhad ini digunakan dengan cekap dan mengurangkan gangguan dalam kalangan pengguna spektrum di negara ini dan di negara-negara jiran.

Rakyat Malaysia akan dapat menikmati teknologi 4G yang boleh menawarkan kelajuan jalur lebar mudah alih lebih daripada 100 Mbps dan pelbagai jenis perkhidmatan baru seperti muat naik dan aliran video berdefinisi tinggi, pengalaman pengguna yang lebih baik pada aplikasi masa sebenar, penyambungan yang lebih baik untuk mudah alih dan peranti elektronik bagi pengguna. Jalur ini telah diseragamkan di seluruh dunia untuk memudahkan perayauan antarabangsa dengan membenarkan pengguna untuk menggunakan peranti yang sama apabila mengembara ke negara-negara yang berbeza.

Sewaktu mengeluarkan dokumen itu, Pengerusi SKMM, Dato' Mohamed Sharil Tarmizi berkata, "Ini adalah satu anjakan paradigma dalam era jalur lebar

Kenyataan Media

Press Release

mudah alih; jika sebelum ini, dengan 3G, biasanya pengguna boleh mengharapkan kelajuan jalur lebar mudah alih di antara 3 dan 10 Mbps, dengan 4G, kelajuan melebihi 100 Mbps mampu dicapai. Dengan pengenalan jalur spektrum 2600 MHz untuk jalur lebar mudah alih 4G sebagaimana yang ditakrifkan dalam Pelan Piawai Sistem Radio, dijangkakan Malaysia akan setanding dengan negara-negara maju yang lain dalam penyampaian perkhidmatan 4G."

Dokumen SRSP-523 SKMM boleh didapati dalam laman sesawang SKMM untuk dimuat turun.

- Tamat -

Notes to Editor:

1. Istilah 4G biasanya digunakan untuk merujuk kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang dihantar menggunakan teknologi jalur lebar mudah alih generasi akan datang termasuk Evolusi Jangka Panjang (LTE) dan WiMAX.

2. Istilah Antarabangsa Bergerak Telekomunikasi (IMT) adalah nama asas yang merangkumi kedua-dua IMT-2000 dan IMT-Advanced secara kolektif. Sistem IMT-2000 ialah sistem mudah alih generasi ketiga yang menyediakan akses kepada pelbagai perkhidmatan telekomunikasi, disokong oleh rangkaian telekomunikasi tetap (contohnya PSTN / ISDN / IP), dan lain-lain perkhidmatan yang khusus kepada pengguna mudah alih. Sistem IMT-Advanced ialah sistem mudah alih yang berkeupayaan IMT-2000 dan melangkaui IMT-2000. Sistem seumpama ini menyediakan akses kepada pelbagai perkhidmatan telekomunikasi termasuk perkhidmatan canggih mudah alih yang disokong oleh rangkaian mudah alih dan tetap.

3. Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media. Harap maklum. Terima kasih.

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (AKM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga perkhidmatan internet, pos dan pensijilan digital.



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

AKM mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala kuasa membuat keputusan tentang dasar diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my

Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Penasihat Strategik, Jabatan Komunikasi Korporat

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Jabatan Komunikasi Korporat

Tel: +603 8688 8000
Faks: +603 8688 1007
Emel: ccd@cmc.gov.my